



TEKS UCAPAN

**YB TUAN LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**MAJLIS KERJASAMA STRATEGIK KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT) DAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF) DALAM MEMPERKASA TVET**

4 JUN 2026

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi Majlis TVET
Negara;

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,
Menteri Pertahanan Malaysia;

Yang Berhormat Menteri – Menteri Kementerian TVET;

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha;

Ketua-Ketua Jabatan;

Wakil-wakil industri;

Para veteran ATM, bakal pesara ATM; dan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri kerana sentiasa memberikan penekanan yang begitu kuat terhadap agenda pembangunan TVET negara, dan kita dapat melihat bagaimana TVET kini bukan lagi dianggap sebagai pilihan alternatif, tetapi telah diangkat sebagai salah satu agenda nasional yang kritikal dalam usaha membangunkan modal insan negara.

PENDAHULUAN

1. Hari ini, Kementerian Pengangkutan berbangga untuk bersama-sama menyahut aspirasi tersebut melalui satu pendekatan yang lebih praktikal dan berimpak tinggi. Bagi saya, kejayaan TVET adalah apabila latihan yang diberikan berjaya diterjemahkan kepada pekerjaan sebenar, pendapatan sebenar dan masa depan yang lebih baik kepada rakyat.
2. Sebab itulah saya melihat majlis pada hari ini sebagai satu langkah yang sangat penting bagi:
 - membina laluan kerjaya,
 - membuka peluang pekerjaan,
 - dan yang paling penting, kita sedang membina masa depan untuk rakyat Malaysia.

KERJASAMA STRATEGIK

Hadirin yang dihormati,

3. Kerjasama antara MOT dan Mindef ini mempunyai makna yang cukup istimewa. Ia mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan bahawa setiap anggota dan veteran Angkatan Tentera Malaysia yang telah berkhidmat kepada negara mempunyai peluang untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara selepas tamat perkhidmatan mereka. Mereka telah menghabiskan sebahagian besar kehidupan mereka mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara. Mereka telah berkhidmat dengan penuh disiplin, keberanian dan pengorbanan.

4. Justeru, menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan mereka mempunyai laluan yang jelas bagi membina kehidupan dan kerjaya selepas bersara daripada perkhidmatan ketenteraan. Saya percaya bahawa anggota dan veteran ATM mempunyai banyak kelebihan yang dicari oleh industri.
 - Mereka mempunyai disiplin.
 - Mereka mempunyai integriti.
 - Mereka mempunyai daya tahan.
 - Mereka mempunyai pengalaman bekerja dalam persekitaran yang menuntut tahap pematuhan dan keselamatan yang tinggi.
5. Semua nilai ini amat diperlukan dalam sektor pengangkutan negara. Atas sebab itulah agensi dan syarikat di bawah MOT tampil menyokong inisiatif ini dengan menyediakan hampir **3208 peluang pekerjaan** dalam sektor pelabuhan, logistik, pengangkutan bas dan industri rel.
6. Ini merupakan peluang yang sangat besar. Lebih penting lagi, ia merupakan peluang pekerjaan yang mempunyai prospek kerjaya yang jelas dan mampu memberikan pendapatan yang stabil kepada rakyat Malaysia.

PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)

Hadirin sekalian,

7. Apa yang lebih membanggakan, inisiatif hari ini bukan sekadar mengenai veteran ATM. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada

komitmen jangka panjang MOT untuk menyokong agenda TVET negara secara menyeluruh. Kita melihat keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor pengangkutan akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang, disebabkan oleh:

- pembangunan industri rel negara,
- pertumbuhan sektor logistic,
- pengembangan kapasiti pelabuhan, dan
- peningkatan perkhidmatan pengangkutan awam.

8. Kesemua ini memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Oleh itu, MOT komited untuk bekerjasama dengan institusi TVET, industri dan agensi kerajaan bagi memastikan sektor pengangkutan menjadi salah satu destinasi utama pekerjaan untuk graduan TVET negara.

9. Kita mahu menunjukkan kepada belia-belia sekarang bahawa TVET adalah laluan profesional yang mampu membawa mereka kepada kerjaya yang baik dan masa depan yang cerah. Kita mahu lebih ramai anak muda menyertai sektor logistik, sektor pelabuhan, sektor pengangkutan awam dan sektor rel. Dan kita mahu industri pengangkutan menjadi antara penyumbang utama kepada kejayaan agenda TVET negara.

PEMUDAHCARA PERTUKARAN LESEN PEMANDUAN TENTERA

Hadirin yang saya hormati,

10. Dalam usaha menarik minat anggota dan veteran ATM memasuki sektor pengangkutan, MOT turut mengambil langkah-langkah untuk memudah cara proses peralihan mereka ke sektor awam. Antaranya termasuk usaha mempercepat dan memperkemaskan proses pertukaran lesen pemanduan tentera kepada lesen pemanduan awam yang berkaitan.
11. Ini adalah satu langkah yang praktikal tetapi sangat signifikan. Ramai anggota ATM mempunyai pengalaman bertahun-tahun mengendalikan pelbagai jenis kenderaan dan aset pengangkutan. Kemahiran tersebut merupakan aset yang bernilai.
12. Oleh itu, kita mahu memastikan kemahiran yang telah diperoleh sepanjang perkhidmatan mereka dapat diterjemahkan kepada peluang pekerjaan dengan lebih mudah, tanpa birokrasi yang tidak perlu. Apabila proses ini dipermudahkan, lebih ramai veteran dapat memasuki sektor pengangkutan dengan cepat dan memenuhi keperluan industri yang semakin meningkat.

KOLABORASI RENTAS KEMENTERIAN DAN INDUSTRI

Hadirin sekalian,

13. Saya percaya inilah contoh terbaik bagaimana kerajaan boleh berfungsi secara bersepadu.
 - Bakat dari Angkatan tentera,
 - PERHEBAT membantu menyelaras pembangunan dan penempatan bakat,
 - MOT membuka laluan kerjaya.
 - Manakala industri menyediakan peluang pekerjaan sebenar.

14. Apabila semua pihak memainkan peranan masing-masing, hasilnya bukan sahaja memberi manfaat kepada individu yang terlibat, tetapi turut memperkukuh ekonomi negara secara keseluruhan.

PENUTUP

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan sekali lagi kepada Mindef, PERHEBAT, Malaysia Rail Development Corporation (MRDC), semua agensi dan syarikat di bawah MOT serta rakan-rakan industri yang telah menjayakan inisiatif ini.
16. Saya berharap kerjasama yang dimeterai pada hari ini akan menjadi permulaan kepada lebih banyak usaha strategik pada masa hadapan.
17. Semoga setiap peluang pekerjaan yang diwujudkan hari ini akan membuka lembaran baharu kepada anggota dan veteran ATM. Dan semoga setiap kerjasama yang terjalin akan menyumbang kepada pembinaan sebuah Malaysia yang lebih maju, lebih berdaya saing dan lebih sejahtera.

Sekian, terima kasih.